

CERBUNG

sebuah antologi

mahu jadi superman tapi tidak boleh terbang...

izinkan encik jigomorrison untuk memberi sepatah dua kata:

Jika [LCCU](#) hasil perahan otak **Faisal Tehrani** dan **Saharil Hasrin Sanin** berjaya membuahkannya sekitar 105 helai, maka kami juga mengharapkan untuk projek novel ini juga bisa menghasilkan setebal itu juga. Tapi tak semua orang mempunyai bakat untuk menulis novel. Ramai pula yang tidak berkesempatan menulis walaupun idea-idea mantap mencurah-curah keluar dari kepala otak.

Berbeza dengan [LCCU](#), dua penulis itu bebas untuk menulis beberapa cerita, tapi untuk projek novel ini dua kepala atau lebih akan bergabung untuk menghasilkan satu cerita yang panjang. Mungkin seorang penulis akan menulis satu bab dan penulis lain akan menulis satu bab yang lain. Atau mungkin juga untuk lebih mudah satu penulis memilih untuk menulis satu watak dan seorang lagi menulis dari sudut pandangan watak yang lain. Beberapa orang dengan pelbagai personaliti yang berbeza menulis untuk satu cerita yang panjang.

Terlintas juga dalam kepala otak aku, dalam satu kapal tidak boleh ada dua nakhoda atau satu periuk tidak boleh digodak oleh dua tukang masak. Tapi itulah cabarannya. Berapa jauh kau boleh pergi? Berapa pantas kau boleh berlari? Berapa tinggi kau boleh terbang? Berapa sakit kalau terhempas?

kandungan cerbung: sebuah antologi untuk keluaran 01/04/2003:

kisah seorang anak yang duka nestapa kerana ibunya batuk.....	3
Unlike Other Love Stories.....	6
rahsia diriku	9
kenapa perlu rasa marah	10
jom main layang layang	12
pemberitahuan	14

kisah seorang anak yang duka nestapa kerana ibunya batuk.

penulis : encikkhairul, jigomorrison, syida

uhuk,uhuk,uhuk.

sudah tiga hari emak batuk dengan demikian teruk. puas sudah diajak ke klinik, puas sudah diajak berjumpa Lebai Karim, tapi ibu tidak juga mahu berubat. katanya 'batuk sikit aje. nanti esok lusa sembuhla.'

perangai keras kepalanya sama seperti arwah ayah. masa kaki arwah ayah terseliuh semasa mandi di perigi, dia juga tidak mahu berurut. bengkaknya dibiarkan membiru dan peliknya boleh pula dia mengayuh basikal ke ladang getah. pernah sekali abang dijerkah ketika cuba mencadangkan untuk dibawa berurut. kata ayah, 'kaki ayah yang bengkak, bukan kaki kamu!'.
beza emak dengan ayah, emak tidak banyak bercakap. dia marah pun dia diam, dia sedih pun dia diam. selalunya anak-anaknya tidak ambil peduli - kak leha kata jangan kacau ibu kalau ibu duduk diam. tapi seminggu ini semua anak-anaknya jadi seperti tidak tentu hala. semuanya kerana mulut abang samad. kata abang samad, emak berpenyakit.

'emak batuk-batuk sampai muntah darah'. petang itu juga semua anak-anak berkumpul. kak leha yang baru dapat kerja di johor baru pun ambil cuti. abang lan yang kerja askar itupun balik. cuma adik syikin sahaja yang tidak ada. kata abang samad, hujung minggu ini baru dia boleh balik.

seperti biasa, kak leha yang mula-mula sekali bercakap dengan emak; memujuknya untuk dibawa berjumpa doktor. emak menggelengkan kepala. abang lan seperti biasa lebih suka memerhati. kata abang samad, dia pernah panggil lebai karim datang ke rumah tetapi ibu masih juga tidak mahu berubat. 'itu air jampi lebai karim tu pun masih belum berusik', katanya sambil menuding ke botol air spritzer di atas meja.

'siapa la nak minum air liur lebai karim tu?' ibunya bersuara.

'mak, kenapa mak cakap macam tu?', lembut suara kak leha sambil perlahan-lahan menggosok-gosok belakang emak. abang samad tanpa perlu disuruh segera menyorokkan botol air jampi lebai karim itu di dapur. 'dahla leha, emak hendak masuk ke bilik'.

uhuk,uhuk, uhuk.

abang lan segera bangun untuk memimpin emak. 'marilah mak kita pergi jumpa doktor.' tapi emak dengan pantas menepis tangan lan. mukanya tiba-tiba masam mencuka. meskipun terbongkok-bongkok, emak menggagahkan diri untuk berjalan sendiri ke biliknya. abang lan terpinga-pinga. hilang sahaja bayang emak, abang lan separa menjerit 'apa salah aku?'

abang samad yang baru kembali dari dapur diam membisu. abang lan dan kak leha saling berpandangan. 'samad, ada apa-apa yang kau sembunyikan dari kak long?' peluh merintik-rintik di dahi abang samad.

Abang Samad melarikan matanya dari pandangan tajam Kak Leha.. Dia kelihatan resah. Dia tunduk membisu.

'Kak Long, Samad nak ke keluar. Sekejap lagi Samad balik' kata Samad sambil menuju ke pintu

'Samad!'

abang samad terus sahaja meluru keluar, menghidupkan motorsikal buruknya dan terus menghilang. kak leha dan abang lan saling berpandangan. sayup-sayup kedengaran suara emak terbatuk-batuk dari dalam biliknya.

'lan, kau pun ada apa-apa yang kau sorokkan daripada kakak?'

abang lan menjatuhkan pandangannya ke lantai. dahinya sedikit berkerut, mulutnya seperti mahu bercakap tetapi suaranya tidak keluar. 'kenapa korang semua sorokkan sesuatu daripada kakak?' pertanyaan kak leha tidak mendapat sebarang reaksi.

tok, tok, tok.

'emak, bukak pintu mak. ini leha ni'.

juga tidak mendapat sebarang reaksi.

'kak long' abang lan yang dari tadi terpaku tiba-tiba bersuara. 'biarlah mak berehat dulu. ada sesuatu yang lan nak cakap dengan kakak' serius nadanya kali ini. kak leha dengan pantas melabuhkan punggungnya di kerusi berkusyen lusuh itu.

'emak sebenarnya terkena buatan orang'.

terbeliak mata kak leha. walaupun sudah separuh usianya dia tinggal bersama emak dan arwah ayah, inilah kali pertama dia mendengar perkara yang semengarut itu. 'emak yang sudah tua kerepot itu terkena buatan orang? sudah tidak ada lagikah janda cantik dan muda di kampung ini?' bisik kak leha di dalam hati.

'kau ni askar lan. takkanlah kau percaya benda-benda yang macam ni?'

lan membisu.

seperti yang sudah abang lan duga, kak leha mesti tidak mahu percaya. kadang-kadang kak leha pun sama perangai dengan emak. disampuk jin dikata tahyul. kena buatan orang dikata karut. bezanya kak leha percaya doktor, emak tidak. samalah dengan adik syikin. hendak dibawa berjumpa doktor pun takut. 'nanti doktor cucuk', katanya.

ktum, ktum , ktum.

abang samad dan motorsikal buruknya tiba mula menampakkan muka. di raga motornya kelihatan gumpalan plastik berisi daun-daun kering.

'daun apa yang kau bawak balik tu samad?' kak leha mula merasai sesuatu yang ganjil. tetapi abang samad tidak menjawab. abang lan menganggukkan kepala apabila abang samad mengalihkan pandangan kepadanya.

'ni tok husin yang kasik. katanya rendam dan bagi emak minum' suara abang samad antara keluar dan tidak sambil matanya cuba mengelak wajah kak leha.

'ya allah, samad. kau pun sama macam lan jugak? kenapa korang nih boleh percaya pada orang-orang tahyul yang macam tu?' nada kak leha sedikit tinggi. wajah tok husin yang berlilit kain kuning di kepala terbayang-bayang di kepalanya.

'kita usaha aje kak. sama la macam air jampi lebai karim tu' abang lan cuba mencelah.

'lebai karim tu lebai. orang yang balik haji. tok husin tu siapa?' suara kak leha semakin tinggi.

uhuk, uhuk, uhuk.

batuk emak di biliknya semakin kuat.

'dah samad, kau buang ajelah daun kering tu. mari kita bawak emak pergi hospital'. abang samad dan abang lan saling berpandangan. abang lan mengangguk kecil. abang samad mencampakkan gumpalan plastik itu ke atas kerusi tanda protes.

'lan, kau pergi hidupkan enjin kereta. nanti kak leha pujuk emak'.

baru sahaja kak leha hendak bangun, emak sudah terpacul di depan pintu bilik tidurnya.

'kamu hendak ke mana tu lan?' kali ini emak bersuara lembut.

'hendak hidupkan kereta. kami nak bawak emak ke hospital', abang lan bersuara gugup. keadaan menjadi suram semula.

uhuk, uhuk, uhuk.

'leha, lan, samad, mari sini. duduk dekat mak.'

'dah besar dah anak emak' kata emak sambil mengusap-ngusap lembut kepala kak leha. 'dulu kau kurus macam lidi, sekarang dah besar macam gajah' emak tersenyum sambil memegang tangan abang lan. abang samad tunduk menikus.

'mak tahu semua anak-anak mak bimbang, tapi mak tak apa-apa. kamu semua pun tahu, mak sudah tua.'

uhuk, uhuk, uhuk.

'dulu masa arwah ayah kamu ada, kita selalu berjemaah maghrib dengan isyak sama-sama. kita selalu makan sama-sama. tapi bila ayah kamu sudah tidak ada, semua kamu meninggalkan emak'.

'emak..' kak leha bersuara sebak.

'samad yang cadangkan semua ini kepada emak. samad cadangkan supaya semua kamu balik dan meriahkan rumah ayah kamu ini semula.'

abang leha dan kak leha merenung tajam kepada abang samad.

kelekuk.

'benda macam ni pun kau boleh main-main!' abang lan meluku kepala abang samad.

'aduh, sakitlah' kata abang samad.

'ooo, mak sakit ye', perli kak leha sambil mencubit bahu abang samad.

'adoi. mak tengoklah kak leha dengan abang lan ni mak', adu abang samad.

emak hanya tersenyum riang. emak gembira akhirnya rumah arwah ayah kembali ceria.

'tapi satu aje mak rasa kecil hati', emak tiba-tiba bersuara.

'apa mak?' abang lan bertanya sambil tangannya masih mengepit kepala abang samad. kak leha kembali serius.

'tidak ada sesiapaupun yang bawakan emak ubat batuk cap ibu dan anak'.

dan gelak-ketawa empat beranak itu memenuhi ruang tamu rumah arwah ayah.

Unlike Other Love Stories

penulis : bakal sasterawan negara, nomad, kamus, ed, unicorn, chicken rice, sabri, bliss

Unlike other love stories, which is either a romance or tragedy, mine is destined to be a comedy. If turn into a movie, it won't win any award. An award winning movie should either make people cry, inspired or sleep. I don't think my story is capable of doing that. It is a story of down to earth ordinary man struggling very hard to compete with images of romantic heroes as portrayed by Hollywood, and Bollywood. One thing I learn though, love is an overrated feeling.

When I first loved a girl, it was not because of her look or her personality. It was just because my friends were teasing me. They said, I wanted to marry her. I take back my word, maybe it's not love at all. Maybe it's a case of deception by a propaganda. You know how the ads on TV keep on saying you should use certain brand of product and a week later you found yourself eating branded pizza that tasted like glue.

It's funny what love or propaganda, now I am confused, can do to you. I ended up counting the number of letters to form her name and compare the number of letters to form my name. Both names need the same number of letters. I saw it as a sign that we were destined to live together forever. How pathetic. But what do you expect, I was just 13 years old then. Nevertheless, you should know that my pathetic love life continues to accompany me till I was 27.

To be sincere, I hated love. Love makes me blind, sometimes makes me do something stupid, sometimes makes me look like a puppet. And I don't like the fact that love makes me a hypocrite. I like to call people by their name, not 'darling, sweetie, sugar, baby' etc. When I eat I want to finish everything's on the plate, not eat half and says 'I'm on diet'. When I walk, I prefer to put my hands in my pocket, not holding someone else's hand. When someone's crying, I prefer to leave them alone, not offering my shoulders for them to cry on. But love has changed them all.

For once, I believe that love is a disease. To cure a 'disease', you must be more than willing to spend a lot of money. Check my telephone bill, have a look at my credit card slip, ask my mom about my 'personal loan'. I call it a disease because it makes me sick. I couldn't concentrate on my work, I couldn't spend time for other things and heck, I don't have my own life anymore. But unlike any other disease, it also makes me strong; at least for the past 14 years.

The first girl left just like that. She was brilliant and she got a place at a boarding school somewhere. I don't know where and I didn't care to find out. Life goes on until I fell in love with another girl. I think it was 2 days after the first love disappeared. So much for loyalty and the one and only concept. Love back then was just like clicking the icon of 'Network Neighborhood' or the 'computer near me'. I found myself falling for girls I met or who just lived nearby. I got a friend who has this beautiful sister about my age. She was really beautiful. They were my neighbour. In the morning I sat at the window watching her hanging clothes on the wire in front of her house. Love is a disease alright. It turned me to a peeping Tom. And again, her family of that lovely girl moved to Malacca. No more computer near me. So far my love story is only about me attracted to the female species without any response whatsoever from them. How could they reply if I didn't even talk to them.

Then one day out of the blue a girl came to me and said somebody sent her regard to me. In case you don't know, sending regard was a teenage code of my day signaling 'I am interested in you.' Weird eh, you were using one schoolbus, yet you need somebody to send a regard to another person. Finally a girl had seen something interesting in me but I just kept quiet because I didn't like dark skin girl. My notion of beauty was influenced by TV personalities and models on my mom's woman magazines. Five years later guilt sunk in. I started to develop an attraction to black beauty. I began to admire Diana Ross, Ziana Zain and Ning Baizura. I think they are sweet and sexy. Had I answered the wish of that dark skin girl, I would have found the girl of my dream.

How do you say I like you without risking rejection? For me, I just sent a letter that said, "Can you be my pet sister?" Surprisingly, I received a positive answer. It was a girl from another class. I was 17 and she was 16. She had the most beautiful smile in the world. Her smile alone made me feel like I could fly. Everytime I passed by her class, we would exchange smiles. This was the first time,

I was attracted to somebody and that somebody was attracted to me. The feeling was mutual. I was hoping to say to her, "You are the first and you are the last." But my problem was I didn't know how to love someone. I didn't know what to do. I didn't talk to her that much, instead we exchanged letters. Her words were beautiful and mine was rough and straight to the point. Soon it's time to part. We dated for the very first time before we part. It was in a classroom while everybody else was at the canteen. It was a very quiet meeting as I didn't know what to say except for just occasional small talks, "How are you?" and "Nice wheather." But it was blissful experience. Nevertheless, I feared that distance would separate us physically and emotionally.

How do you say I don't like you anymore softly? You can do it many ways, one of it is just stop corresponding with that other person. I was bright, I went to a college in Central Malaysia. My girl was also bright, she went to a polytechnic in North Malaysia. We contacted each other through love letters. One letter a week. After 3 months, there was no more love letters. I missed her very much and I did what a fool would do. I sacrificed my scholarship money to travelled up north to meet my sweetheart. To my suprise, at the bus station she was waiting for me with another boyfriend. Her new boyfriend was her polytechnic classmate. How could I compete with a competitor with an added advantage of interacting with her face to face everyday. I wished SMS was already invented then so it would be easier for her to break my heart and I didn't have to waste my meal money. I jumped back into the bus licking my wound and along the way home I was filled with disbelieve and anger. Now, any other girl I met after this, I could only say, "You are 'n' and the last". Replace 'n' with a number accordingly.

I was depressed for quite a long time. How could she do that to me? Didn't they say "distance makes the heart grow fonder" but it seemed the other way round to me.

I tried to heal my wound by mixing with all kind of people. I played sports, I joined the Cultural Society and I also joined an usrah group. I found my peace in that group and finally I became happy again. I accepted what happened as just a test from Allah to make me a stronger person. I believed, somewhere out there someone was waiting for me.

Nevertheless I was young and restless as hormones are raging inside me. I befriended a classmate. She was willing to give a shoulder cry and listen to my sad story. We were very close and finally became an item. I was so blinded that I didn't see a signal that said the relationship was meant for destruction. She said, "Don't put your hope o high." How could I have missed that signal that I was just a boy toy for her. She just needed my ears to listen to her yapping and my money to pay for her dinners. She held my hands as we crossed streets. It's true that one of the major reason man goes to hell is woman. We didn't use traffic lights and pedestrian crossings anymore. I was addicted to her skin of the palm of her hands. Even when her roommate reported to me that the framed photo that she placed on her desk. Later, she finally decided that it was not cool to date a loser. After 4 months of lies, she dumped me.

My heart was already numb and senseless after all these events. Maybe it was the curse of that dark complexion girl taht I ignored when I was 13. But I did not give up yet. I told you earlier I was a bright kid, I started to strategize to find love. Unfortunately I didn't use Sidney Sheldon's novels as my guidnce to romance. I used Sun Tzu's Arts of War as my textbook for companionship. I planned to have two girlfriends and a female best friend at the same time for back up purposes. In case I was dumped by one, I would have another for a spare. In a worse case scenario both would reject me but I could easily upgrade that female best friend to a girlfriend. How's that for plan B? My plan was executed. A brilliant scheme indeed but it backfired on me.

"The framed photo that she placed on her desk was not your photo. The framed photo that she placed on her desk was not your photo..." These words kept on echoing in my mind. Thus, it was easy for me to execute the unethical plan of mine. By pure luck, I managed to attract two girls, one looked like a Hong Kong movie star and another looked like a Bollywood movie star. It is a known phenomenon that a geek teenager has no boyfriend quality as girls prefer jocks but a more mature geek can attract ladies as ladies prefer financial security and brain. I already had a secure job and both girls loved me very much. Little that they knew, I was more inclined to become an evil genius then. I had two girlfriends for two years and at the same time I had a female bestfriend as backup. It was just like riding a bicycle with one training wheel. I needed all of the them.

Guilty conscience knocked my skull when I found out both girls were willing to die for me. Torn

apart in dilemma, I had to let go one of them. I told the chinese girl to forgive me as we were not meant to be together. She broke in tears. She said she forgave me but I don't forgive myself till the present day. I'd rather be dumped about 1000 women than bearing the pain of guilt all my life. After 10 years, she is still single. I don't think it was because she has no suitor. I strongly believe her broken hope has made her soul cold as ice. I then reassess my sinister scheme.

Although my best friend and I had a platonic relationship, we were really attracted emotionally to each other. The fact that she had a boyfriend and I had my girlfriend really help us not to cross the forbidden border. I was jealous of her boyfriend and vice versa. It took perseverance and strong will for both of us to maintain the platonic quality of the companionship. I think, what made me realized that I actually could get out of this vicious cycle of emotional turmoil was a conversation that I had with one of my friend at a mosque.

My pious friend was going to get married. I said, "Why so soon? You are still young". He said, "It is already compulsory for me to get married. Not getting married would be a sin. God knows best. I am getting married in the name Allah the merciful." Then it dawned on me, all this time I was searching for love for the wrong reason. I was trying to take control of myself but I should have given full submission of my fate to Allah. I took for granted that I always say in my prayer that my life and death are for Allah. I should have done what pious friend wanted to do.

I didn't have to search anymore. My Indian girl was perfect for me. She had the sexy curve and complexion of my dream girl. Why watch a Hindi movie, if I can have my own heroine in reality. The fact that she reads Al-Quran better than me sealed my decision. We got married. She is my salvation from hell. Now, she is the center of my universe and I orbit around her. Every single day we gravitate to each other closer and closer. I admitted to her that I had ulterior motive the first time I met her but not anymore. I told her, "You are girl number 7, I think, but you will always be the last." I was forgiven. I love her very much just for saying that. I'd like to tell you more about my wife but that would not fit the theme of this story, Unlike Other Love Stories, because my love story after marriage is just like that love story that you always dream of.

rahsia diriku

penulis : mama, lelaki

Kisah ini berlaku sewaktu aku di dalam darjah satu dan tinggal bersama Tok. Di kampung kami tiada bekalan elektrik, jadi memang tiada TV di rumah.

Satu hari, sepupu ibuku yang ku panggil Pak Ngah, berusia 15 tahun berkunjung ke rumah. Malam itu dia dan Pakcik ku pergi menonton TV di rumah seorang yang agak berada di kampung itu, yang menggunakan generator bagi menonton TV.

Bila dia pulang, dia memberitahuku, dia telah menonton cerita 6 Jahanam. Dalam cerita tu, ada orang jahat yang merogol perempuan. Dia bertanya kepada ku, tahu tak makna rogol tu apa? Aku jawab, tak. Tak mengapa, nanti Pak Ngah tunjukkan.

Sewaktu aku sedang tidur pada malam tersebut (aku tidur seorang diri di dalam bilik, Tok tidur di luar, aku terasa seseorang datang menghampiriku. Rupanya itu Pak Ngah. Dia kata dia nak tunjukkan rogol tu apa. Dia menanggalkan seluar dalamku dan juga seluar dalamnya. Dan seterusnya dia meletakkan barangnya dicelah kangkungku. Aku tidak menyedari yang itu adalah satu perkara yang salah jadi aku tidak merasa perlu untuk menceritakan kepada orang lain.

Aku tidak pernah menceritakan peristiwa tersebut kepada sesiapa, mahupun ibuku atau pun suamiku. Dan aku telah terlupa akan kisah itu. Cuma apabila ada kenduri di kampung, dan sesekali terjumpa dia, aku berlakon seperti tiada apa-apa. Sekarang baru aku sedar yang itulah dipanggil sumbang mahram. Tetapi aku tidak berani bercerita kepada sesiapa sekarang. Mungkin orang tidak akan dipercayai. Mungkin juga aku akan dimarahi dan mungkin juga aku akan membuka pekung di dada dan hanya memalukan keluarganya juga. Ibunya ialah nenek saudaraku yang merupakan seorang yang warak, seorang Ustazah.

Sesungguhnya aku benci bila terjumpa dengannya. Dia telah berkahwin dan tidak mempunyai anak dan aku rasa itu adalah balasan atas perbuatannya kepadaku. Padan muka dia.

Yang aku risaukan ialah aku juga mempunyai anak perempuan. aku takut perkara yang sama akan berlaku kepadanya. Aku tidak dipercayai lelaki, walaupun saudara kerana ia telah berlaku ke atas diriku sendiri. Aku hanya mampu mengajar anakku yang sesiapa pun tidak boleh menanggalkan pakaiannya atau memegang tempat sulitnya kecuali ketika memandikan atau menyiapkan dia.

Adakah tindakan aku ini betul? Semoga kisah ini jadi pengajaran buat semua. Aku mahu berkongsi dengan orang lain.

Sekarang pun terlalu banyak kes rogol dan sumbang mahram yang berlaku. Sesetengahnya disebabkan oleh perempuan sendiri terutamanya yang berpakaian tidak senonoh lantas mengundang kepada kes kes rogol dan sumbang mahram.

Pesanan untuk lelaki. Ingatlah. Wanita itu suci dan jangan cemarkan kehormatan mereka. Kau lelaki juga punya ibu saudara perempuan. Mahu kau lihat lelaki lain melakukan sesuatu yang tidak baik terhadap mereka.

Renungkanlah

kenapa perlu rasa marah

penulis : kayusakti, amyzy, aikitonikita, ikan todak

oh, tuhan.

hanya ayat itu sahaja yang terkeluar di saat ini. itupun hanya di hati, tidak dizahirkan.

aku marah. tapi marah aku tidak aku tunjukkan. aku simpan. simpan sebaiknya. tapi mungkin suatu masa nanti ia akan keluar dari simpanan.

ya, mungkin suatu hari nanti.

kita tak tahu suatu hari itu hari apa
mungkin ahad mungkin selasa mungkin hari raya
tapi harinya pasti tiba

kadang-kadang kemarahan ini sudah membeku dalam hati. Tidak mampu untuk dicairkan. Kerana aku tahu, jika ia mencair, kesannya teramat buruk. dan kesannya bukan kepada aku seorang, tapi pada dia. Dia yang mencetuskan kemarahan ini.

marah?
siapa tak marah?
siapa tak meradang?
siapa tak baran?

lancang sungguh mulut kau mengata tentang maruahku.
lancang sungguh mulut kau memburukkanku.
lancang sungguh mulut kau tu.

oh Tuhan..

besar sangatkah dosa ini?
terluka benarkah hati kau?
atau
kejam benarkah perbuatanku?

mengapa?
mengapa kau buat aku macam ni?
mengapa?

kau buat aku marah. buat aku terluka. buat aku rasa dihina..
maafkan aku.
saat ini kau membuat aku amat membenci dirimu..

sia-sia selama ini aku bersabar dengan segala kerenah mu...
aku anggap kau sebagai seorang teman...sebab itulah segala susah payah dirimu aku rela untuk kongsi bersama...
kerana bagi ku...kalau sudah menjadi teman...biarlah makan sepinggan,tidur sebantol..

tapi kau sering lupa pada kebaikan yang kuberikan
jarang sekali kau mahu berterima kasih
pinggan
kau lempar ke dinding hingga sompek
batal
penuh dengan 'peta' kau

aku benci

mengapa kau buat aku macam ni?
besar sangatkah dosa aku padamu?

bukan mudah untuk mencari teman di tika duka...
menangis cuma seorang
tapi mengapa masa senang begitu ramai yang datang menghampiri
hati siapa yang tak marah jika diperlakukan seperti ini..
apa dosa aku kau hukum aku sebegini?
kau tinggalkan aku keseorangan setelah impian yang ingin kau kecapai tercapai..
mengapa?
kenapa?
persoalan yang menaikan kemarahan aku
kesabaran aku yang terpendam sekian lama
begitu mudahnya kau mempersendakan diri ku
mana kau campakkan maruah diri ini yang dulu kau puji melambung
dan sekarang ni mengapa kau mengeji aku?
hinakah diri aku ini di pandangan matamu?
lupakah kau pada apa yang pernah kau katakan dan janjikan?

aku bukan dewa
aku juga bukan suci

tapi kau apatah lagi

dewa kau bukan
suci pun kau bukan

walaupun aku dan kau bukan sama-sama dewa
walaupun aku dan kau bukan sama-sama suci

aku tak sama dengan kau
kau pun tak sama dengan aku

anggap sahaja aku terjumpa kau itu sebagai satu kesilapan
kalau tidakpun satu dosa besar yang sudah aku buat secara tidak sengaja

jom main layang layang

penulis : tuan punya layang-layang, amy, kayusakti, aikitonikita, layang2, yushi gurl

jom kawan kawan kita main layang layang
jom kawan kawan kita naikkan layang layang setinggi awan

tapi kawan kawan kena ingat jangan naikkan layang layang tinggi sangat

sebabnya kawan kawan mungkin layang layang akan putus talinya

terlalu sakit kawan kawan bila lihat layang layang terus terbang tinggi

tinggalkan aku
tuanpunya layang layang
dan kini layang layang itu bukan milik aku lagi...

terlalu tinggi barangkali layang-layang kau itu
hingga dia mahu lepaskan diri dari mu

jangan pegang terlalu erat.
jangan pula pegang dengan tidak kemas
lemas ia..
lemas ia dengan pegangan mu itu..
lepas ia..
terlepas lah ia dari genggamannya..

dan kau akhirnya termangu
kerana layang-layang mu pergi jauh..

aku ingin terbang
terbang bersama layang-layang itu
aku ingin terbang
tinggi di atas awan
aku ingin terbang
jauh tinggalkan daratan ini

hey layang-layang
bawalah aku ke mana kau melayang...

alangkah bebasnya menjadi layang-layang...meliuk ke sana ke mari..mengikut arah angin.

tariklah aku kebawah
aku sudah penat melayang-layang
mengikut arah angin

aku semakin hilang arah
angin itu bertiup sementara
tariklah aku kebawah
supaya aku tidak jatuh terhempas

aku tak mahu terbang lagi
semakin lama terbang
semakin aku hilang kawalan diri

kau tuan layang-layang
jagalah aku
berikan semangat padaku
kalau boleh
aku ingin jadi seperti pokok

yang hidup ratusan tahun
akar mencengkam bumi
tak goyah ditiup angin

ALAMAK! Tuan! Hujan telah turun.....semakin lebat.....tolong tuan!

layang-layang aku tidak terbang lagi
aku pun sudah tidak berlayang-layang lagi
talinya putus tak terkejar aku berlari
dan hujan yang lebat ini membuat aku putus hati

layang-layang aku sudah pergi
tetapi aku akan kembali
bermain layang-layang di sini

mungkin...dipulau layang..atau diselayang

pemberitahuan

semua kandungan cerbung: sebuah antologi adalah diambil secara terus daripada laman web cerbung tanpa sebarang pengubahsuaian dari segi ejaan, pemilihan perkataan mahupun susunan perenggan. tujuannya 'beli yang asli'.

nama-nama penulis juga adalah berdasarkan nama-nama yang tercatat di dalam laman web cerbung untuk cerita-cerita yang berkenaan. walaubagaimanapun, senarai ini mungkin tidak tepat kerana ada sebilangan penulis yang lebih gemar menulis secara 'curi-curi' atau cuba melarikan diri dari kamera atau lampu limpah – lalu mereka tidak memberikan nama pena. Sekiranya tindakan ini menyinggung perasaan sesetengah pihak, sila maklumkan kepada pihak cerbung.

kandungan yang dimuatkan di dalam cerbung: sebuah antologi mungkin dan mungkin tidak merujuk kepada peristiwa sebenar dan watak-wataknya mungkin dan mungkin tidak wujud di dunia nyata. sekiranya kandungan di dalam cerbung: sebuah antologi ini adalah saduran kepada mana-mana kandungan yang boleh diperolehi daripada sumber lain, pihak cerbung ingin memohon ribuan maaf.

cerbung: sebuah antologi boleh dipindahturun secara percuma daripada sumber-sumber yang telah dilantik oleh pihak cerbung. sekiranya anda dikenakan sebarang bayaran untuk memindahturun cerbung: sebuah antologi ini, sila maklumkan kepada pihak cerbung.

selamat membaca dan nantikan keluaran cerbung: sebuah antologi yang akan datang